



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

KAJIAN CERITA RAKYAT MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK

Lenna Demay Ak Joseph Machine

GR
316.5
I23
L567
2007

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Sinematografi)
2007

b11313353

P KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000191092

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan

KAJIAN CERITA RAKYAT MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK

LENNA DEMAY AK JOSEPH MECHIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keupujian
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: **Kajian Cerita Rakyat Masyarakat Iban Di Sarawak**

SESI PENGAJIAN 2006/2007

Saya **Lenna Demay Ak Joseph Mechin**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *Sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan



Tandatangan Penulis

Tarikh: 23/11/07

Alamat Tetap:

C.D.T 266, Pejabat Pos Sibu

96000, Sibu, Sarawak.



Tandatangan Penyelia


Tarikh: 14-12-2007

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda

* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk **Kajian Cerita Rakyat Masyarakat Iban Di Sarawak** telah disediakan oleh **Lenna Demay Ak Joseph Mechin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Program Sinematografi**.

Diterima untuk diperiksa oleh:



Ms. Teo Miaw Lee

Tarikh:

14-12-2007 .

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya bersyukur kepada Tuhan kerana atas keberkatan-Nya saya telah berjaya menyiapkan penulisan ilmiah ini dengan jayanya. Tanpa sifat kesabaran dan ketekunan yang Tuhan berikan tidak mungkin saya mampu menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Projek Tahun Akhir ini mungkin tidak berjaya dihasilkan sekiranya tidak mendapat pertolongan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Dengan kesempatan ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada bapa saya Joseph Mechin Ak Jeti dan Ibu saya Monica Berawang Ak Sang serta pak cik saya David Majang Ak Sang yang banyak memberi sumber kewangan, dorongan, motivasi dan galakan kepada saya sepanjang perjalanan projek ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Pensyarah Sinematografi, Universiti Malaysia Sarawak yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar dan pengajaran kepada saya sepanjang pengajian saya. Ilmu dan tunjuk ajar dari anda semua akan menjadi bekalan saya di masa hadapan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih dihulurkan kepada rakan-rakan serta pelajar Sinematografiambilan 2004. Terima kasih atas nasihat motivasi dari anda semua.

INDEX

MUKA

BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN	i
PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv-vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan	5
1.2 Ojektif Kajian	6
1.3 Matlamat Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Hipotesis	7
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Limitasi Kajian	8

BAB 2: KAJIAN LEPAS

2.0	Pengertian Cerita Rakyat	10
2.1	Gambaran masyarakat Iban di Sarawak dari aspek sosio budaya	11-12
2.1.1	Kepercayaan	12-13
2.1.2.1	Kepercayaan <i>animisme</i>	13-14
2.1.2.2	Kepercayaan kepada mimpi	14-15
2.1.2.3	Kepercayaan kepada haiwan	15
2.2	Naratif dalam penceritaan cerita rakyat masyarakat Iban	16-20
2.3	Pengertian Mitos dalam konteks cerita rakyat masyarakat Iban	21-22
2.4	Pengertian Legenda dalam konteks cerita rakyat masyarakat Iban	22
2.4.1	Legenda Bercorak Setempat	23
2.4.2	Legenda Bercorak Menjelajah	23
2.4.2.1	Ciri-ciri cerita Legenda	23
2.4.2.2	Fungsi-fungsi Cerita Legenda	23-24
2.5	Pengenalan Cerita Rakyat Iban	24-25
2.6	Cerita Penglipur Lara masyarakat Iban	25-26
2.7	Cerita Binatang masyarakat Iban	26
2.8	Cerita Jenaka masyarakat Iban	26
2.9	Cerita Asal Usul masyarakat Iban	27

Jadual 2 :	
Perbandingan keseluruhan mitos, legenda, cerita rakyat dan cerita dongeng	28
Jadual 3 : Persamaan watak dan tema cerita rakyat, legenda dan mitos.	29-30

BAB 3: METOLOGI KAJIAN

3.1.1 Kaedah Kualitatif	31
3.1.2 Pengumpulan data primer	32
3.1.3 Pengumpulan data sekunder	33
3.1.4 Analisa Kandungan	33-35

BAB 4 : ANALISIS CERITA RAKYAT MASYAKAT IBAN

4.0 Contoh-contoh cerita rakyat	36-39
4.1 Analisis kriteria	40-43
4.2 Contoh mitos masyarakat Iban	44-46
4.3 Analisis Pembangunan Cerita	47-51

BAB 5 : PROJEK AKHIR

TAJUK : ENGKEJUANG ENGGAU ENGKEJIMU

5.0 Pengenalan	52
----------------	----

5.1	Sinopsis	53
5.1.1	Hubungan watak dalam konsep cerita rakyat masyarakat Iban di Sarawak	54
5.1.2	Hubungan konsep cerita rakyat dengan teori filem	54
5.2	Rumusan	55

RUJUKAN 56-57

LAMPIRAN 58-66

ABSTRAK

Mitos dan legenda merupakan daripada cerita rakyat. Pengkaji mendapati cara penyampaian cerita rakyat pada zaman dahulu adalah secara lisan. Ini boleh dilihat daripada perbezaan konsep cerita rakyat masyarakat Iban di Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain, di mana mereka mempercayai bahawa cerita rakyat perlu sentiasa diamalkan dalam kehidupan seharian. Melalui penyelidikan ini, pengkaji menggambarkan cerita rakyat yang diadaptasikan iaitu “Engkejuang dan Engkejimu” melalui teknik video.

ABSTRACT

Myths and legends are part of the folk stories. During the age of our ancestors the researcher found the stories were told orally. The concepts of Sarawak folklore are distinct from other countries because Iban community, the largest ethnic group in Sarawak believes in the folk stories and practices it in everyday life. The Researcher tries to visualize the folk stories in short video with a the adaptation of Enkejuang and Engkejimu.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sarawak mempunyai keluasan 48,250 batu persegi. ¹Daripada keseluruhan penduduk Sarawak, kira-kira 70% daripadanya adalah kaum bumiputera. Suku kaum Iban adalah suku kaum yang terbesar di Sarawak dan mendiami semua bahagian di Sarawak terutama di tebing-tebing sungai. Berdasarkan anggaran penduduk mengikut kumpulan etnik dan daerah pentadbiran, suku kaum Iban berjumlah 695,000 orang di seluruh Sarawak.

Batang Rajang merupakan sungai yang terpanjang di Sarawak dan mempunyai banyak cabang. Batang Rajang adalah juga sungai yang terpanjang di Malaysia. Batang Rajang dan cabang-cabangnya mengalirkan air yang berjumlah kira-kira separuh daripada jumlah keluasan muka bumi Sarawak. Pengangkutan air adalah satu daripada cara pengangkutan di Sarawak yang mendorong penduduk tinggal di tepi sungai atau berdekatan dengan sungai sebab sungai membolehkan mereka bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

Kaum Iban memilih tebing sungai untuk mendirikan rumah panjang. Sungai yang menjadi punca air kepada mereka. Air sungai merupakan salah satu sumber penyaluran

¹ Mardiana & Hasnah (2000) Pengajian Malaysia, : Fajar Bakti Sdn Bhd, 157

makanan kepada mereka di samping merupakan jalan utama menghubungkan antara sebuah rumah panjang yang lain.

Kaum Iban di Lembangan Rajang datang dari kawasan Sungai Kapuas dan cabang-cabangnya di barat Pulau Borneo. Orang Iban hidup berkelompok dan rumah panjang menjadi pusat segala kegiatan mereka. Cara hidup mereka di rumah panjang agak mudah tetapi mengamalkan struktur kepemimpinan yang bercorak demokratik yang mensyaratkan seseorang ketua itu dipilih oleh rakyat. Setiap rumah panjang mempunyai Tuai Rumah atau Ketua.

Kebanyakan orang Iban bekerja sebagai penanam padi, pemburu, nelayan dan pemungut buah-buahan dan sayur-sayuran hutan untuk makanan. Mereka memungut hasil hutan seperti buah engkabang, damar, rotan, dan getah jelutong untuk dijual di pekan. Orang Iban juga banyak menghasilkan kraftangan untuk kegunaan harian mereka.

Pada zaman dahulu, orang Iban tidak mempunyai agama tertentu. Orang Iban berpegang kepada ajaran animisme. Selain itu, orang Iban juga berpegang kuat kepada kepercayaan tradisional mereka. Misalnya kepercayaan masyarakat Iban terhadap upacara 'miring' iaitu jampi serapah yang dilakukan atas tujuan menolak bala. Masyarakat Iban juga sangat patuh kepada pantang larang (*mali*) yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Melanggar pantang larang bermakna mereka akan ditimpa mala petaka atau kematian. Kepercayaan lain adalah tafsir mimpi. Aktiviti harian masyarakat Iban sangat

dipengaruhi mimpi mereka. Aktiviti boleh dibatalkan sekiranya mereka mendapat mimpi yang tidak baik malam sebelumnya.

Sumber lisan itu memiliki nilai sejarah yang tinggi jika usaha mentafsirnya secara rasional dilakukan dengan baik. Kerap kali unsur mitos dan legenda diadunkan dalam cerita asal menyebabkan fikiran logik manusia enggan menerima dan mempercayainya. Tetapi fikiran yang rasional sentiasa menimbulkan persoalan untuk memberi pertimbangan terhadap kewujudan unsur-unsur fantasia dalam tradisi lisan penduduk pribumi. Pendek kata, bahawa sumber lisan itu adalah merupakan 'tulisan atau sumber maklumat' sejarah masyarakat primitif dahulu kala, dan hari ini menjadi khazanah yang amat bernilai namun mengalami proses kepupusannya dalam arus teknologi hari ini. Namun sesetengah sistem masyarakat tradisional masih diamalkan di kalangan masyarakat pada hari ini, terutamanya dalam aspek kebudayaan dan agama bagi penduduk Sarawak. Masyarakat Iban di Sarawak memang patuh kepada adat dan mempercayai sesuatu itu dengan mendalam. Setiap kaum mempunyai adat masing-masing.

Bagi orang Iban pula, seseorang pemuda yang ingin berkahwin perlu melakukan pekerjaan sebelum masuk meminang. Kerjanya ialah menyembelih kepala orang dan kepala tersebut diberikan kepada bakal mertua ataupun bakal isteri, barulah pinangan akan diterima. Tujuan adat dan kepercayaan ini untuk menunjukkan keberanian dan kegagahan seseorang pemuda. Ia sangat penting dalam kaum Iban sebagai jaminan kaum lelaki itu mampu menjaga keselamatan keluarganya. Sehingga sekarang sesetengah adat

dan kepercayaan di kalangan masyarakat Iban di Sarawak masih kekal. Namun, adat-adat yang melibatkan kematian jarang berlaku dan tidak dibenarkan. Tetapi ,adat yang berbentuk pemujaan dan patang larang tertentu masih diamalkan terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.

Masyarakat Iban juga percaya kepada kewujudan dewa-dewi yang baik dan buruk yang mana akan menolong mereka semasa berada dalam kesusahan. Dewa-dewi dalam masyarakat Iban kebiasaannya akan muncul dalam mimpi atau pada masa yang tidak di sengajakan. Mantera salah satu cabang kepercayaan animisme dipercayai genre puisi paling awal dilahirkan oleh masyarakat. Kelahiran mantera ada kaitan rapat dengan corak hidup masyarakat Iban dan keadaan alam sekeliling mereka terutama bagi masyarakat zaman primitif. Unsur-unsur alam seperti tanah, air, api dan angin memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka baik sebagai sumber rezeki mahupun sebagai punca bencana. Kaitan rapat ini di antara unsur-unsur alam itu dengan masyarakat menimbulkan keinginan di jiwa mereka mengucap syukur kepada kuasa atau sumber yang memberi rezeki dan memohon perlindungan daripada kuasa tertentu supaya mereka tidak ditimpa bencana. Hal ini ada kaitan dengan bentuk kepercayaan masyarakat Iban.

Satu fenomena cerita rakyat di dunia ialah penyebarannya yang luas sebingga kita dapati banyak persamaan yang ditunjukkan oleh cerita rakyat berbagai-bagai bangsa di dunia. Tiap-tiap satu kelompok manusia mempunyai ciri-ciri cerita rakyatnya tersendiri. Dalam masyarakat yang bertamadun tinggi sekalipun, cerita rakyat dihargai sebagai

warisan bangsa, dan lebih daripada sastera moden ciptaan individu, cerita rakyat dianggap sebagai dapat mewakili roh atau jiwa sesuatu bangsa.

Dalam masyarakat yang belum mencapai tamadun yang tinggi, atau yang masih buta huruf, sememangnya sasteranya dalam bentuk lisan lagi. Dalam konteks inilah sastera rakyat wujud dalam bentuknya yang asli, terutama dan segi fungsinya.

1.1 Permasalahan

Masyarakat Iban sangat kaya dengan sastera rakyat dan ini ditunjukkan bukan sahaja berbagai puisi seperti *pengap*, atau zikir dalam satu-satu upacara atau *gawai*, *renong* merupakan puisi untuk berbagai tujuan, *sabak* merupakan puisi bersangkutan kematian, *pelandai* pula merupakan puisi berkasih sayang dan lain-lain, tetapi juga *ensera* dan lain-lain bentuk cerita yang menjadi pertunjuk kepercayaan dan pendidikan kanak-kanak. Selain daripada karya-karya tersebut masyarakat Iban juga mempunyai koleksi cerita rakyat yang pelbagai. Cerita rakyat yang dijumpai menjurus kepada cerita-cerita hiburan dan bukannya sejarah mahupun fakta.

Cerita rakyat masyarakat Iban banyak terdapat dalam koleksi secara lisan individu mahupun perseorangan, oleh yang demikian penyelidik berminat mencari sesetengah cerita rakyat yang pernah dicetak. Penyelidik juga berminat dengan ciri-ciri cerita rakyat yang memberi unsur moral kepada pembaca. Masyarakat Iban khasnya yang mempercayai kewujudan tuhan semesta atau raja-raja dalam hutan akan menerapkan nilai-nilai yang terdapat pada cerita rakyat tersebut dalam kehidupan harian mereka.

1.2 Objektif Kajian

Cerita rakyat masyarakat Iban semakin luput ditelan zaman daripada buah mulut generasi muda pada zaman sekarang kerana kekurangan media-media yang mencetak atau menerbitkan cerita rakyat masyarakat Iban dalam bentuk video atau filem. Penyelidik dalam kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis cerita rakyat masyarakat Iban di Sarawak yang dicontohi dan diamalkan dalam kehidupan seharian supaya dapat diadaptasikan dalam bentuk format video atau filem.

Oleh itu, penyelidik berminat untuk mengadaptasikan cerita rakyat masyarakat Iban dalam bentuk lisan kepada bentuk video atau filem. Penyelidik juga berharap melalui kajian ini cerita rakyat masyarakat Iban akan di simpan sebagai warisan atau koleksi sejarah. Jika cerita rakyat ini tidak diwarisi daripada nenek moyang kepada generasi muda. Generasi muda tidak mengetahui kewujudan cerita rakyat masyarakat mereka yang pernah wujud suatu ketika dahulu.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat penyelidik terhadap penyelidikan ini adalah mengenalpasti cerita rakyat masyarakat Iban yang akan memberi impak atau kesan dan teladan dalam kehidupan harian mereka. Berpandukan cerita rakyat masyarakat Iban yang sedia ada, masyarakat Iban secara amnya akan bergantung kepada nilai moral dan kepercayaan kepada cerita rakyat tersebut terutamanya dalam aktiviti memulakan sawah padi.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting supaya generasi baru masyarakat Iban dapat mengenali cerita-cerita rakyat masyarakatnya sendiri. Selain mengenali cerita-cerita rakyat tersebut, generasi baru akan melihat nilai-nilai moral yang dimiliki oleh watak-watak yang terdapat pada cerita rakyat tersebut.

Tambahan lagi penyelidik berusaha untuk mengadaptasikan cerita rakyat masyarakat Iban ke dalam bentuk video atau filem agar boleh menjadi sumber rujukan kepada generasi muda pada masa akan datang.

1.5 Hipotesis

Sebelum memulakan kajian, andaian atau hipotesis memainkan peranan yang penting kepada penulis. Andaian yang dibuat berdasarkan kepada pengalaman membaca dan mendengar cerita rakyat masyarakat Iban.

Andaian yang dibuat berdasarkan tajuk kajian ialah:

- Apakah watak cerita rakyat sebenarnya?
- Bagaimana watak memainkan peranan dalam pengaruh cerita rakyat?
- Sejauh mana cerita rakyat mempengaruhi masyarakatnya dalam kehidupan seharian.
- Apakah nilai moral yang akan di serapkan dalam cerita?
- Bagaimana watak boleh menjadi contoh teladan kepada masyarakat Iban?
- Apakah Pengajaran di sebalik cerita tersebut?

1.6 Skop Kajian

Setakat ini belum diketahui senarai lengkap mengenai jumlah cerita rakyat masyarakat Iban yang telah diterbitkan. Tetapi boleh dikatakan bahawa bilangan yang sudah terbit itu agak terhad, yang kebanyakannya pula hasil pengumpulan daripada kumpulan etnik tertentu sahaja. Menurut Mohd Taib Osman (1991) dalam penulisannya berpendapat masih banyak lagi cerita rakyat Sarawak yang belum terkumpul dan didokumentasikan.

Melalui kenyataan ini penyelidik melihat contoh-contoh cerita-cerita rakyat yang telah diterbitkan dalam bentuk buku mahupun majalah Iban yang diterbitkan pada tahun 1980 an sehingga 1990 an.

Penyelidik juga melihat jenis-jenis cerita rakyat masyarakat Iban yang merangkumi cerita kanak-kanak, cerita pengeliur lara dan cerita legenda atau mitos.

1.7 Limitasi Kajian

Limitasi kajian saya adalah tertumpu kepada masyarakat Iban di Sungai Lengan, Lebaan Sibuan. Masyarakat Iban di sini masih mengamalkan kepercayaan nenek moyang sebelum memulakan aktiviti menanam padi. Watak yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Iban pada zaman dahulu berperanan penting dalam mengerakkan cerita tersebut sehingga menghasilkan cerita rakyat yang menarik dan menjadi panduan dalam kehidupan masyarakat Iban seharian.

Watak yang terdapat pada seseorang individu tersebut merangkumi keberanian dalam menempuh dugaan dan cabaran untuk mencapai sesuatu kejayaan atau matlamatnya. Berdasarkan ini, penyelidik telah menumpukan watak manusia dalam cerita rakyat masyarakat Iban.

BAB 2 KAJIAN LEPAS

2.0 Pengertian Cerita Rakyat

Cerita-cerita rakyat itu dapat dikenali dengan melihat jalan ceritanya. Biasanya cerita-cerita rakyat itu mengisahkan tentang tuhan, dewa-dewi, makhluk halus yang mendiami alam keliling, kejadian unsur alam, asal usul manusia, cerita cerita yang dianggap kudus atau *sacred* dan cerita-cerita yang bercorak sejarah yang mengisahkan tentang masa lampau.

Bercerita adalah kegiatan masa lapang yang tidak mempunyai fungsi utilitarian tetapi tetap merupakan kegiatan yang penting dalam hidup manusia. Jikalau masyarakat moden menghiburkan diri melalui tayangan filem atau televisyen, masyarakat primitif dan tradisonal menghiburkan diri dengan mendengar orang bercerita.

Prof. Mohd. Taib Osman juga telah membahagikan cerita-cerita rakyat itu kepada:

- (i) Cerita asal usul atau *mythology*
- (ii) Cerita-cerita binatang
- (iii) Cerita-cerita legenda atau *legend*
- (iv) Cerita-cerita jenaka
- (v) Cerita-cerita penglipur lara atau *folk romances*

2.1 **Gambaran masyarakat Iban di Sarawak dari aspek sosio budaya**

Setiap masyarakat di Malaysia amnya dan Sarawak khasnya mempunyai nilai kebudayaan masing-masing. Masyarakat Iban di Sarawak masih lagi mengekalkan kebudayaan masyarakat mereka yang unik. Melalui ini penyelidik mendapati setiap cerita rakyat masyarakat Iban adalah berdasarkan kebudayaan nenek moyang mereka yang suatu ketika dahulu masih mengamalkan kepercayaan animisme.

Kebudayaan setiap masyarakat merupakan simbolik terhadap indentiti masyarakat itu sendiri. Masyarakat Iban terkenal dengan tarian *ngajat* dalam seni persembahan. Dalam cerita rakyat masyarakat Iban, cerita *keling bungai nuing enggau kumang* menjadi watak utama setiap cerita legenda, ini kerana pada zaman dahulu masyarakat Iban yang mempercayai kepercayaan animisme bahaya mereka ini adalah Tuhan.

Budaya mempunyai pengertian yang amat luas. Definisi awal tentang budaya dikemukakan oleh Edward B. Taylor dalam hukunya *Primitive Culture* yang menyatakan bahawa budaya adalah keseluruhan kompleks yang di dalamnya meliputi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukuman *peraturan hidup*, adapt istiadat dan kemampuan lain serta kebiasaan yang didapati oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Dalam buku Sosiologi suatu pengenalan Mohammed Hj Yusuf menghuraikan budaya sebagai satu cara hidup, meneruskan zuriatnya dan mengatur pengalaman sosialnya. Perkara-perkara tersebut adalah seperti pengumpulan bahan-bahan kebendaan, pola organisasi sosial, cara tingkah laku yang dipelajari, ilmu pengetahuan, kepercayaan

dan aktiviti lain yang berkembang dalam persekitaran manusia. Oleh itu kebudayaan adalah sumbangan manusia kepada persekitaraannya.

Manakala E. Adamson Hoebel dalam bukunya *Anthropology the study of man* telah memberi definisi yang dikatakan padat dan ringkas akan pengertian budaya. Melalui bukunya itu, beliau telah menyatakan bahawa budaya merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti kepercayaan, keperluan biologi manusia, adapt-istiadat, kesenian dan segala alat ciptaan manusia.

2.1.1 Kepercayaan

Setiap manusia mempunyai kebebasan untuk berpegang teguh kepada sesuatu sistem kepercayaan baik kepercayaan kepada kuasa ghaib makhluk halus atau sebagainya. Malah, kepercayaan kepada kuasa ghaib atau makhluk halus yang lebih dikenali sebagai kepercayaan animisme menjadi warisan tradisi sesebuah masyarakat sejak berkurun lamanya.

Adalah tidak menjadi kesalahan bagi seseorang itu atau sesebuah masyarakat itu mengamalkan system kepercayaan yang bersifat primitif memandangkan setiap manusia atau masyarakat itu baik apa juga peringkat kehidupan yang dicapai, mempunyai hak dan kebebasan untuk menganut atau mengamalkannya. Sistem kepercayaan yang bersifat primitive iaitu kepercayaan bahawa wujudnya unsur atau makhluk halus dan ghaib masih tetap diamalkan sehingga sekarang, walaupun masyarakat tersebut telah mengalami proses

pemodenan dan telah mempunyai pegangan agama seperti Kristian, Islam dan sebagainya.

Umpamanya kepercayaan orang Iban yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi tidak berubah dari segi konsep dan prinsipnya. Akan tetapi cara mengamalkannya atau prosedur mengerjakannya mungkin berbeza sedikit dari satu kawasan dengan kawasan lain.

Selain daripada animisme iaitu percaya wujudnya makhluk halus dan ghaib, masyarakat Iban juga mengamalkan pantang-larang dan jampi serta mantera dalam kehidupan mereka. Namun ini tidak bermakna mereka tidak mempercayai wujudnya Tuhan, hanya Tuhan yang sembah dan puja itu berlainan.

2.1.2.1 Kepercayaan animisme

Masyarakat Iban yang tidak menganuti mana-mana agama dan masih taat serta mengamalkan kepercayaan tradisional adalah masyarakat kepercayaan animisme. Kepercayaan bahawa adanya kuasa makhluk halus yang akan mengganggu dan menimbulkan bencana telah mewujudkan upacara-upacara tertentu bagi mengelakan malapetaka dan bencana.

Kepercayaan kepada pemakaian azimat yang membolehkan dan menjauhi daripada malapetaka dan bencana juga wujud dalam masyarakat Iban.